

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KADER BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI KEMENTERIAN/ AGENSI LUAR DARI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan ini mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan kader di bawah pentadbiran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia seperti berikut:

BIL.	LOKASI	OPSYEN	KEKOSONGAN
1.	Agensi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur	Bahasa Inggeris DG9/10/12	1

1. Syarat Umum

- (i) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9/10/12 yang **sedang berkhidmat** di Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (ii) Mempunyai ikhtisas/ kelulusan dalam opsyen seperti di **Lampiran A**.
- (iii) Telah disahkan dalam perkhidmatan.
- (iv) Telah mengajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- (v) Tahap kesihatan yang baik.
- (vi) Memperoleh sekurang-kurangnya 85% dalam penilaian prestasi bagi tigatahun terkini (2022-2024).
- (vii) Bebas daripada tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah.
- (viii) Permohonan mestilah disokong oleh Ketua Jabatan masing-masing.
- (ix) Bersedia berkhidmat di jawatan kader **sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga (3) tahun**.
- (x) Mempunyai minat dan kewibawaan yang tinggi untuk berkhidmat di Kementerian/ Agensi luar dari KPM.

2. Kaedah Permohonan

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Masuk Jawatan Kader seperti di **Lampiran B**.
- (ii) Permohonan mestilah **melalui Ketua Jabatan** masing-masing.
- (iii) Borang permohonan hendaklah lengkap diisi dan dihantar dalam bentuk **PDF (digabungkan dalam satu fail)** melalui emel kepada atylia.anuar@moe.gov.my / shamirah.tarmize@moe.gov.my
- (iv) Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat** kelayakan yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan **tidak akan dipertimbangkan**.

3. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan ini sila hubungi **Unit Guru, Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian **03-8884 7792**.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ogos 2025